



**KERJA-KERJA PENGOREKAN (MAINTENANCE DREDGING)
DI DALAM KAWASAN PELABUHAN KLANG**

Daripada : Pegawai Pelabuhan, Jabatan Laut Wilayah Tengah.
Kepada : Syarikat-Syarikat Perkapalan, Malim Pelabuhan, Nakhoda Kapal,
Pelaut Tempatan, Nelayan-Nelayan dan Semua Pihak Yang Berkaitan.
Tarikh : 30 April 2005.

Adalah dimaklumkan bahawa sebuah kapal korek dari jenis "Trailing Suction Hopper Dredger" bernama MV INAI SIANTAN akan turut terlibat dalam kerja-kerja pengorekan laut (*maintenance dredging*) di dalam kawasan Pelabuhan Klang, sebagai tambahan kepada kapal korek yang sedia beroperasi, MV INAI SELASIH. Kapal korek INAI SIANTAN akan memulakan kerja-kerja pengorekan itu pada 3 Mei 2005.

2. Perlu dimaklumkan juga bahawa segala butiran serta syarat-syarat kerja bagi kapal korek INAI SIANTAN itu adalah serupa sepertimana telah ditetapkan bagi kapal INAI SELASIH, khususnya mengenai kawasan-kawasan kerja pengorekan, tapak kawasan pembuangan (*spoil ground*), tarikh jangkaan tamat kerja serta lain-lainnya yang berkaitan, yangmana Pekeliling Pelabuhan Jabatan Laut Wilayah Tengah, No: 04/2005 bertarikh 20 April 2005 adalah dirujuk.

3. Selaras dengan itu, maka semua vesel (kapal-kapal, bot-bot serta bot nelayan) adalah diingatkan supaya berhati-hati semasa melalui kawasan-kawasan berkenaan dan di mana praktikal serta selamat, perlulah memberikan kelegaan munasabah kepada kapal-kapal korek yang terlibat.

Sekian, terima kasih.

(MOHD SANI BIN ROSLI)

b.p. Pegawai Pelabuhan,
Jabatan Laut Wilayah Tengah,
Pelabuhan Klang.

- s.k: (i) Ketua Pengarah Laut,
Ibu Pejabat Laut Semenanjung Malaysia,
Pelabuhan Klang.
(u.p: Pengarah Bahagian Keselamatan Pelayaran,
Ketua Pg. Pengarah Unit IT & Kerajaan Elektronik)
- (ii) Pengarah Laut Wilayah Tengah.
- (iii) Pengurus Besar,
Lembaga Pelabuhan Kelang.
(u.p: Bahagian Kawalselia)